

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 30 MEI - 5 JUN 2024

www.selangorkini.my

Pelaburan negeri naik 40 peratus

Sektor pembuatan khususnya elektrik dan elektronik meningkat kepada RM19.31 bilion bagi 2023 berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 89,000 peluang kerja juga dicipta sepanjang tahun lalu

MUKA 2

Jualan murah khas sempena Aidiladha

Program yang tawarkan pelbagai barangan dapur pada harga 30 peratus lebih rendah daripada pasaran diadakan hujung minggu terakhir sebelum perayaan untuk bantu umat Islam buat persiapan pada Jun

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab dalam majlis perasmian Festival Turath Islami Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 26 Mei 2024. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 4

pancawarna

Sejarah pertabalan Yang di-Pertuan Agong



Istiadat mula dari sebuah dewan di Jalan Ampang hingga Istana Negara

9

Koleksi terbaik naskhah kitab, al-Quran



Pameran al-Wahyu papar manuskrip alam Melayu yang langka

12&13

Terjemahan adiknya dunia terus diburu



Riwayat Nabi, karangan Ibnu Tufail tumpuan pesta buku Kuala Lumpur

16

MB kekal pimpin KEADILAN negeri

SHAH ALAM - Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Dato' Seri Amirudin Shari kekal menerajui Selangor sebagai pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) negeri.

Ketua Penerangan KEADILAN Fahmi Fadzil dalam kenyataan pada 16 Mei memberitahu Dato' Menteri Besar itu akan dibantu Ketua Cabang Sepang Borhan Aman Shah sebagai timbalan pengerusi.

Fahmi juga menjelaskan keputusan yang turut melibatkan negeri lain dibuat hasil penyusunan semula yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) KEADILAN.

Beliau juga memaklumkan Presiden KEADILAN Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyeru anggota serta penyokong mengemblem tenaga dan idea untuk terus memacu agenda Kerajaan Madani.

"MPP juga membincangkan tahap ke-siapsiagaan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap tidak lama lagi," kata Fahmi.

Sektor buatan jamin pulangan tinggi

KUALA LUMPUR - Pemerksaan dan penumpuan terhadap sektor semikonduktor yang dilaksana Kerajaan Selangor ketika ini bakal membantu pelaburan ke pasaran global.

Berikutan itu, EXCO pelaburan berkata pentadbiran negeri akan memperkemas lagi ekosistem bagi memastikan produk dihasilkan berkualiti, sekali gus memacu ekonomi lebih baik.

Ng Sze Han menjelaskan usaha berkenaan juga menjamin pulangan tinggi memandangkan sektor berkenaan akan menjana hampir RM5 trilion di seluruh negara menjelang 2030.

"Di Selangor, industri ini mempunyai sejarah panjang dan ia bermula 1972. Lebih 50 tahun menapak dan industri matang tetapi kita ada kelemahan dalam peringkat akhir," katanya dalam majlis perasmian Ekspo Semicon Asia Tenggara 2024 pada 28 Mei.

Klang Raya tingkat peluang ekonomi

HULU SELANGOR - Lembah Klang Raya yang menggabungkan empat bandar utama bakal menjadi kawasan pembangunan bernilai tinggi sekali gus pesaing baharu kepada negara serantau.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata lokasi itu berupaya menawarkan peluang ekonomi yang baik berikutan bandar Petaling Jaya hingga Klang memiliki prasarana lengkap.

"Kita mahu menjadikannya metro-

polis. Hampir satu per dua iaitu kira-kira 3.4 juta penduduk negeri ada di kawasan ini. (Cuma) perlu susun perancangan supaya ia jadi tarikan dan maju.

"Lembah Klang Raya belum ada pesaing dari negeri lain kerana kita sambungkan empat bandar raya. Kita perlu bandingkan dengan Jakarta (Indonesia), Bangkok (Thailand).

"Kita jadi pesaing negara serantau dari segi ekonomi, kualiti kota, peluang dan keistimewaan," katanya

selepas menutup sambutan Hari Belia Negara peringkat negeri pada 19 Mei.

Sebelum ini, Amirudin berkata Lembah Klang Raya menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu tersenarai antara lima lembah utama Asia jika hasrat itu dijayakan sepenuhnya.

Pembangunan Lembah Klang Raya diumumkan dalam belanjawan tahun ini bagi menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang melalui peruntukan RM2 juta.

Cipta 89,000 peluang kerja

Sektor pembuatan naik 40 peratus

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Pelaburan bagi sektor pembuatan meningkat sebanyak 40 peratus kepada RM19.31 bilion berbanding tahun lalu, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu sebanyak 89,000 peluang kerja dicipta sepanjang tahun lalu termasuk tawaran membabitkan 234 projek perkilangan.

"Berdasarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), sektor elektrik dan elektronik menyumbang satu per tiga jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Selangor.

"Pada 2022, lebih satu per empat nilai Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu 25.5 peratus datang dari Selangor. Saya yakin kita boleh ulangi kejayaan ini, malah lebih baik lagi," katanya.

Beliau berucap dalam Ekspo Semicon Asia Tenggara 2024 yang dirasmikan

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di ibu negara pada 28 Mei.

Pada Mac, Mida memaklumkan Selangor mencatat pelaburan RM55.3 bilion sepanjang tahun lalu, mengatasi sasaran iaitu RM45 bilion.

Jumlah tersebut merangkumi pelaburan domestik dan asing manakala projek perkilangan atau sektor pembuatan mencatat peningkatan setiap tahun.

RM6 juta agih ternakan korban

SHAH ALAM - Peruntukan RM6 juta disediakan untuk sumbangan ibadah korban sempena sambutan Aidiladha pada tahun ini, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan agihan ternakan membabitkan 1,000 kambing dan 700 lembu disampaikan kepada wakil rakyat, masjid, surau dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Setiap tahun, Kerajaan Selangor tidak pernah melepaskan peluang untuk

mengadakan ibadah korban dan mengagihkannya kepada rakyat memerlukan di negeri ini," katanya.

Beliau merasmikan Penyerahan Baucar Program Sumbangan Korban Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini pada 25 Mei.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim pula mengingatkan 22 syarikat yang membekal lembu dan 25 syarikat lagi membekal kambing supaya mematuhi syarat yang ditetapkan pentadbiran negeri.

"Antaranya dapat bekalkan minimum 270 kilogram (kg) untuk lembu dan 100kg (kambing). Ada beberapa pembekal sebelum ini tidak jujur, kita harap ia tidak berlaku lagi," katanya.

Anak syarikat Kerajaan Negeri yang menaja program itu antaranya Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Jualan murah menjelang Aidiladha

SHAH ALAM - Jualan mega sempena Aidiladha akan diadakan bagi meringankan umat Islam membuat persiapan menyambut perayaan tersebut, kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim.

Beliau memberitahu program Jualan Ehsan Rahmah (JER) khas itu diadakan pada hujung minggu terakhir sebelum perayaan tersebut, dijangka sekitar pertengahan Jun.

"Kita akan putuskan tidak lama lagi tarikh dan lokasi penganjuran jualan murah barangan asas ini. Program JER memang dinanti-nanti ramai setiap kali tiba musim perayaan," katanya.

Beliau ditemui dalam program Penyerahan Baucar Program Sumbangan Korban Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan pada 25 Mei.

Sempena sambutan Syawal pada April, Jualan Mega Ehsan Aidilfitri

berlangsung meliputi 18 lokasi bagi memudahkan golongan berpendapatan rendah menyediakan kelengkapan hari raya.


Lima barangan utama iaitu ayam, daging, telur, minyak masak dan beras dijual pada harga lebih rendah dari pasaran melalui peruntukan RM296,439.

Program khas itu dianjurkan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad serta Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.



IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas





DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN IBRAHIM

sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Tuanku

pada

3 Jun 2024 Bersamaan 25 Zulkaedah 1445H

Sembah Takzim Daripada



YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR,
KERAJAAN DAN RAKYAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Kerjasama tingkat bidang reka bentuk

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berminat bekerjasama dengan kerajaan persekutuan bagi meneroka peluang dan memperkasa bakat tempatan dalam bidang pembuatan reka bentuk asal (ODM).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerjasama dengan Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bagi membangunkan reka bentuk litar bersepadu (IC).

Beliau percaya usaha sama itu berupaya menyokong pembangunan komponen kritikal Automatif Malaysia & Pemecut Semikonduktor dan IC Design Park: Selangor Hub.

"Meluangkan masa meninjau Malaysia Autoshow 2024 yang diiktiraf sebagai Pameran Automotif Terbesar di peringkat antarabangsa.

"Ketua Pegawai Eksekutif MARii Azrul Reza Aziz menerangkan kesediaan MARii meneroka kerjasama ini yang dijangka membawa pulangan ekonomi RM500 juta hingga RM1 bilion," katanya di Facebook pada 24 Mei.

Amirudin turut mengucapkan tahniah kepada MARii dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri atas pengajuran ke-7 pameran tersebut di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang sejak pada 22 hingga 26 Mei.

Jejambat Saujana Putra dibuka Jun

KLANG - Jejambat Bandar Saujana Putra sepanjang 820 meter yang dibina bagi mengatasi kesesakan trafik beroperasi sepenuhnya Jun depan, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata kemudahan yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) dan Lebuhraya Klang Selatan (SKVE) itu kini dalam proses pemeriksaan akhir.

"Sebelum ini, pembinaan jejambat berlaku sedikit kelewatan berikutan beberapa isu termasuk perintah kawalan pergerakan dan komplikasi kabel dan utiliti di bawah permukaan jalan perlu dialih.

"Jejambat tersebut kini sudah sedia dan hanya ada pemeriksaan kecil sahaja. Kita jangka mula dibuka secara rasmi pada Jun nanti," katanya pada 28 Mei.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar mengumumkan peruntukan kira-kira RM60 juta untuk membina jejambat baharu yang memanfaatkan kira-kira 65,000 penduduk serta pengguna lebuhraya.

Anjur festival turath lebih kerap

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berhasrat untuk menganjurkan Festival Turath Islami Selangor lebih kerap dalam masa setahun berikutan sambutan menggalakkan peserta dari serata tempat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sekretariat festival mencadangkan program kupasan kitab itu diadakan lebih kerap meski rancangan asal hanya dua kali setahun.

"Mulanya, festival turath ini di-

cadangkan anjur dua kali pada setiap tahun. Namun kita lihat acara ini mendapat sambutan dan maklum balas positif.

"Melalui perbincangan dengan sekretariat, wajar festival ini diadakan lebih kerap," katanya ketika merasmikan festival itu di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 26 Mei.

Selain itu, beliau juga berhasrat mengadakan kajian kitab-kitab warisan Islam secara sistematik dengan

kerjasama Institut Ketamadunan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Sempena festival turath, Pameran Al-Wahyu turut diadakan. Orang ramai berpeluang melihat sendiri pameran manuskrip berusia ratusan tahun," kata Amirudin.

Maklumat lanjut festival di laman sesawang www.turathislamiselangor.com atau Facebook Festival Turath Islami Selangor.

Festival turath platform terbaik

Ketengah manuskrip ulama Melayu

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Festival Turath Islami Selangor menjadi wadah terbaik bagi mengetengah manuskrip al-Quran berusia hampir 400 tahun hasil tulisan tangan beberapa tokoh Melayu.

Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia Ts Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria berkata acara itu mengangkat warisan Islam.

"Saya memilih manuskrip Melayu

kerana kita sebagai umat Islam di alam Melayu kurang mengenali atau beri perhatian berhubung ilmu dan warisan kita sendiri.

"Adakalanya bila sebut manuskrip generasi baharu tidak tahu, sedangkan orang Melayu dahulu sudah lama menjadi cendekiawan tetapi kita lebih banggakan orang luar.

"Masyarakat luar antaranya di Perancis, Kanada dan Amerika pun lebih tahu malahan kagum berkaitan manuskrip Melayu berbanding orang Melayu sendiri yang kurang beri perhatian," katanya pada 26 Mei.

Ros Mahwati yang juga kurator pameran turut menyeru masyarakat Melayu khususnya berkunjung ke pameran yang berlangsung sehingga 2 Jun ini.

"Saya fikir menerusi festival ini ia peluang kepada saya untuk mengangkat manuskrip Melayu kerana jiwa saya sentiasa ingin angkat warisan Islam di mata dunia," jelasnya.

Manuskrip al-Quran yang dibawa dari Muzium Al-Quran Narrathiwat, Thailand itu merupakan manuskrip tulisan tangan Sheikh Nuruddin Ar-Raniri berdasarkan penerangan pemiliknya Ustaz Lutfi.

Kupasan kitab padat, mudah faham

SHAH ALAM - Penyampaian ulama dalam mengupas kitab di Festival Turath Islami Selangor padat dan mudah difahami sekali gus menarik kehadiran ribuan peserta.

Peserta dari Indonesia Zaimuddin Abdul Azim, 34, berkata kupasan kitab Hadis 40 yang disampaikan bekas Mufti Besar Mesir Syekh Profesor Dr Ali Jum'ah menarik dan menjadi pedoman masyarakat Islam terutama golongan muda.

Jelasnya, keunikan program mengupas kitab dan syarahan oleh ramai tokoh terkenal mendorong beliau ha-

dir kali kedua membawa isteri dan anak-anak.

"Saya tiba di Malaysia semalam (26 Mei) dan ambil cuti sehingga 4 Jun. Saya ternanti-nanti program ini kerana penyampaian ulama padat, mudah difahami selain lokasi selesa," katanya pada 27 Mei.

Taufiqul Rahman Sharif, 22, teruja untuk mengikuti program yang dihadiri ilmuan agama kerana banyak warisan Islam diperoleh dan membantunya menjadi individu berjaya.

"Saya baru sebulan di Malaysia kerana melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bahasa Arab selama empat bulan bawah biasiswa Kementerian Agama Indonesia.

"Alhamdulillah, saya sangat gembira dan bersyukur dapat ikuti program ini... amat luar biasa dapat bertentang mata dengan ulama tersohor.

"Walaupun pertama kali, saya amat tertarik kerana banyak program dianjurkan dalam program ini," katanya dari Jawa Tengah, Indonesia.



WAKTU SOLAT	30 MEI - 5 JUN 2024 21 - 27 ZULKAEDAH 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Khamis		5:39	5:49	7:01	1:14	4:38	7:22	8:37	5:40	5:50	7:02	1:14	4:39	7:22	8:37	5:58	6:08	7:14	1:23	4:22	7:26	8:35
31 Jumaat		5:39	5:49	7:01	1:14	4:38	7:22	8:37	5:40	5:50	7:02	1:14	4:39	7:22	8:37	5:58	6:08	7:13	1:22	4:23	7:26	8:35
01 Sabtu		5:39	5:49	7:01	1:14	4:39	7:23	8:37	5:40	5:50	7:03	1:14	4:39	7:23	8:37	5:57	6:07	7:13	1:22	4:23	7:26	8:35
02 Ahad		5:39	5:49	7:02	1:14	4:39	7:23	8:38	5:40	5:50	7:03	1:15	4:39	7:23	8:38	5:57	6:07	7:13	1:22	4:24	7:26	8:35
03 Isnin		5:39	5:49	7:02	1:14	4:39	7:23	8:38	5:40	5:50	7:03	1:15	4:40	7:23	8:38	5:56	6:06	7:12	1:22	4:24	7:25	8:35
04 Selasa		5:40	5:50	7:02	1:14	4:40	7:23	8:38	5:40	5:50	7:03	1:15	4:40	7:23	8:38	5:56	6:06	7:12	1:21	4:25	7:25	8:34
05 Rabu		5:40	5:50	7:02	1:15	4:40	7:23	8:39	5:40	5:50	7:03	1:15	4:40	7:23	8:39	5:56	6:06	7:11	1:21	4:25	7:25	8:34



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN IBRAHIM

sempena


Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Tuanku

pada

3 Jun 2024 Bersamaan 25 Zulkaedah 1445H

Sembah takzim daripada:

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan & Kakitangan Kumpulan MBI



#KitaSelangor



MEMACU KEHIDUPAN

Sedia lori tangki di kawasan terjejas

SHAH ALAM - Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) melalui proses selenggara dan penggantian aset berjadual mulai 9 pagi dan dijangka selesai jam 7 malam pada 5 Jun.

Menurut Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), ia menyebabkan masalah penyaluran bekalan di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Lori tangki air turut digerakkan ke kawasan terlibat dengan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital, klinik, pusat dialisis dan upacara pengebumian.

Pengguna dijangka menerima bekalan berperingkat mulai jam 3 pagi pada 6 Jun setelah penggantian selesai & sistem aghan stabil.

Bukan rundingan terus, ikut prosedur

SHAH ALAM - Pelantikan dua syarikat pengendali perkhidmatan projek rintis van transit atas permintaan (DRT) di Selangor bukan secara rundingan terus, tegas EXCO Mobiliti Ng Sze Han.

Dalam kenyataan pada 29 Mei, beliau memberitahu Asia Mobility Sdn Bhd dan Badan Bas Coach Sdn Bhd dilibatkan dalam proses pembuktian konsep DRT untuk permohonan cadangan (RfP).

Katanya, dua syarikat itu dilibatkan ekoran hanya mereka memiliki lesen Agensi Pengangkutan Awam (Apad) yang mematuhi piawaian termasuk had usia kenderaan tidak lebih 10 tahun.

"Lesen pembuktian konsep yang diberi oleh Apad kepada kedua-dua syarikat ini hanya sah hingga 31 Ogos 2024, bukannya untuk tempoh berpuluh tahun dan bukan diperbaharui secara automatik.

"Itu menjadi asas kepada keputusan Jawatankuasa Kerajaan Negeri yang menetapkan tempoh pembuktian konsep hanya sembilan bulan, dari November 2023 dan tamat Julai 2024," katanya.

Kerjasama dengan Korea Selatan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mahu meningkatkan kerjasama dalam program latihan dan pembangunan atlet dengan Korea Selatan.

EXCO Sukan Najwan Halimi menjelaskan hasrat berkenaan disuarakannya dalam pertemuan bersama Pengerusi Majlis Sukan Gyeonggi-Do Lee Won Sung baru-baru ini.

"Delegasi kami turut dibawa melawat Pusat Sains Sukan Gyeonggi-Do untuk meninjau kemudahan serta peralatan kecergasan yang disediakan di sini," katanya menerusi laman X pada 21 Mei.

Pada 19 Februari, Selangor memeterai kerjasama dengan agensi tersebut disusuli penyertaan atlet dalam Festival Sukan Gyeonggi-do awal bulan ini.

Bincang pengurusan atlet SUKMA

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Sarawak di Petra Jaya bagi meninjau persiapan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di negeri itu, baru-baru ini.

Agensi sukan negeri itu memaklumkan delegasi Selangor yang diketuai EXCO Sukan Najwan Halimi turut membincangkan penyelarasan hal ehwal pengurusan kontinjen Selangor sepanjang temasya.

"Delegasi Selangor disambut oleh Timbalan Pengarah (Pendidikan)

Yayasan Sarawak Watson Chungat Leonard Doo.

"Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan penyelarasan pengurusan kontinjen negeri bersama Yayasan Sarawak yang merupakan bapa angkat bagi kontinjen Selangor di SUKMA," katanya menerusi Facebook.

Kunjungan berkenaan turut disertai Timbalan Pengerusi II MSN Selangor Abbas Salimmi Che Adzmi, Pengarah Eksekutif MSN Selangor Mohamad Nizam Marjugi dan para

pegawai MSN negeri.

Delegasi Selangor turut dibawa melawat ke beberapa lokasi pertandingan dan penginapan atlet di sekitar Sarawak sepanjang SUKMA ke-21 yang dijadual berlangsung mulai 17 hingga 24 Ogos.

Mac lalu, Najwan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) memaklumkan 1,138 atlet negeri akan mengambil bahagian dalam 37 jenis sukan dalam kejohanan dwitahunan itu dengan sasaran menduduki tiga teratas.

Inisiatif dicontohi agensi lain

Perluas van transit ke seluruh negeri

Oleh **AFFEEQA AFEERA ABDUL RASOL**

SHAH ALAM - Selangor negeri pertama memperkenalkan van transit atas permintaan (DRT) bagi menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam sebelum diperluas agensi lain di Malaysia.

Menerima sambutan baik, projek itu menurut EXCO Mobiliti Ng Sze Han akan ditingkat ke seluruh negeri selaras manifesto negeri Lima Tekad Lima Tahun yang dilancarkan pada Julai 2023.

"Dengan keberkesanan projek rintis

ini, Selangor berhasrat memperluas perkhidmatan DRT ke seluruh Selangor selaras komitmen Lima Tekad Lima Tahun yang dilancarkan pada Julai 2023.

"Sekiranya berkemampuan, negeri juga berhasrat menaoptimumkan kos perbelanjaan tahunan sedia ada," katanya dalam kenyataan pada 24 Mei.


Selain kos pemasaran dan pemantauan, Sze Han berkata peruntukan disalurkan negeri turut digunakan untuk menampung sebahagian tambang dengan kadar tetap RM2 bagi setiap perjalanan.

Katanya, empat van beroperasi di la-

pan zon dalam tempoh percubaan fasa pertama meliputi laluan Ampang, Hulu Kelang, Puchong dan UPM-Serdang dikendalikan Asia Mobility Technologies Sdn Bhd.

Sze Han berkata pelantikan dua syarikat pengendali Asia Mobility Technologies Sdn Bhd dan Badan Bas Coach Sdn Bhd diluluskan Agensi Pengangkutan Awam Darat (Apad).

Perkhidmatan DRT bawah inisiatif Mobiliti Selangor diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam yang dipandu dengan penganalisaan data serta menyelesaikan isu ketersambungan ke sistem pengangkutan awam utama.



Usaha tingkat sektor e-dagang

SUBANG JAYA - Anugerah Peniaga e-Dagang Utama Malaysia (Top ECM) 2024 menarik lebih 1,000 penyertaan dengan peningkatan 43.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

EXCO pemberdayaan usahawan berkata acara tahunan edisi kesembilan yang menawarkan ganjaran sehingga RM100,000 itu membuktikan usaha gigih Kerajaan Negeri meningkatkan sektor e-dagang.

"Top ECM bukan sekadar acara tetapi ia adalah bukti usaha gigih Kerajaan Negeri untuk terus melakukan inovasi dan meningkatkan kecemerlangan e-dagang di Selangor.

"Sidec (Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor) memberi komitmen penuh untuk

memajukan ekosistem e-dagang yang semakin berkembang di seluruh dunia," kata Najwan Halimi dalam majlis penyampaian anugerah pada 25 Mei.

Majlis anjuran Sidec disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Sidec Yong Kai Ping dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan Mat Yusop.

Pengusaha pakaian wanita Zucca Commerce Sdn Bhd dinobatkan juara dan membawa pulang wang tunai RM10,000, trofi dan sijil penyertaan.

Tempat kedua dimenangi Place SLL Machinery Hardware Sdn Bhd

dan Desince Sdn Bhd (ketiga) dengan masing-masing menerima hadiah RM8,000 dan RM5,000 serta trofi serta sijil penyertaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Zucca Commerce Erica Yap menganggap kemenangan tersebut sebagai batu loncatan untuk melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa.

"Kami memberi penekanan terhadap perniagaan secara dalam talian dan setiap hari kami membuat siaran langsung tanpa putus asa di hampir semua platform e-dagang.

"Hasilnya kami peroleh sehingga 4,000 tontonan dalam sehari. Kami mahu luaskan perniagaan ke peringkat antarabangsa suatu hari nanti," katanya yang memulakan perniagaan dua tahun lalu.





DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Tuanku

pada

3 Jun 2024 Bersamaan 25 Zulkaedah 1445H

sembah takzim daripada:

PKPS

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

Ribuan talaqqi Hadis 40



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **REMY ARIFIN & NUR ADIBAH AHMAD IZAM**

SHAH ALAM - Tidak kurang 1,000 penuntut ilmu belajar secara berdepan (bertalaqqi) huraian Arbain an-Nawawiyah, atau Hadis 40, daripada ilmuwan tersohor Mesir, Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab.

Mulai sesi pertama, daripada 12 sesi, pada pagi 26 Mei, peserta tekun menerima mutiara ilmu bekas mufti ini, yang juga ahli Majlis Tertinggi Ulama al-Azhar, daripada kitab syarah karangan beliau.

Sehingga khatam semua 42 hadis himpunan Imam an-Nawawi pada malam 30 Mei, pembentangan ini sebahagian tumpuan penting Festival Turath Islami Selangor 2024 yang berlangsung di Masjid Negeri, Shah Alam hingga 2 Jun.

Dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum sesi pertama syarahan Dr Ali Jum'ah, majlis ilmu ini menggunakan kitab terjemahan 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian Untuk Dunia Semasa.

Festival kali ini mengangkat karya Yahya Sharaf an-Nawawi, ulama terkenal dunia Islam dalam aliran fiqah Imam Syafie dan Ahlus Sunnah wal Jamaah. Kitab hadis karjanya pada abad-13 dihurai dan diterjemah dalam pelbagai bahasa hingga kini.

Tahun lepas, festival ini mengangkat Imam al-Ghazali dan karya ulungnya Ihya' Ulumuddin, juga dihurai Dr Ali Jum'ah. Diilham daripada idea Dato' Menteri Besar, ia dianjurkan bagi menggalakkan umat serantau mendalami teks besar klasik.

Setiap hari Dr Ali Jum'ah mensyarahkan hadis dalam tiga sesi, dari pagi hingga malam, kecuali 29 Mei (hanya sebelah pagi). Sementara menunggu sesi berikutnya, ramai peserta beriktikaf dan bermalam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sebahagian besarnya anak muda, termasuk wanita yang membawa anak kecil, mereka duduk bersila sambil menunggu Dr Ali Jum'ah tiba untuk menyampaikan kuliahnya di dewan solat utama.

Dalam tempoh empat hari, setakat berita ditulis, keluasan ilmu profesor ini cukup terserlah. Dr Ali Jum'ah memulakan syarahannya dengan membaca teks hadis, menyebut sanad dan kesahihan.

Bagi setiap sesi, penyampaian beliau diterjemah oleh dua anak muridnya, Ahmad Faiz Mohd Khalil dan Muhammad Noorazam Bahador.

Ulasan pula disampaikan oleh enam ilmuwan dalam sesi terpilih: habib Ali Zaenal Abidin al-Hamid, syeikh Nazrul Abd Nasir, syeikh Hairul Nizam Mat Husin, ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil, baba haji Ghazali Ahmad al-Fathoni dan Dr Umar

Muhammad Noor.

Kemudian Dr Ali Jum'ah menghurai biografi perawi hadis dan pengenalan ringkas mengenai mereka. Nama periwayat itu diulas dari sudut bahasa dan penggunaannya dalam masyarakat Arab.

Bekas mufti itu menghurai hadis dan cara memahaminya, mencakupi pelbagai sudut – tatabahasa Arab, akidah, fiqah, usul fiqah, sirah Nabi Muhammad SAW, kaedah mengeluarkan hukum dan cara bermuamalat.

Ada waktunya beliau sebak ketika membacakan hadis, antaranya hadis ke-21 yang mewajibkan umat Islam istiqamah atas landasan agama dan hadis ke-28 mengenai ketaatan kepada pemimpin walau seorang hamba.

Kisah tawanan perang bernama Saffanah at-Tai, pada hadis ke-21, menerima selendang Rasulullah SAW membangkitkan emosi ulama tersebut. Sementara hadis ke-28 menggambarkan pesanan akhir Nabi kepada para sahabat seolah-olah akan wafat.

Ketika menghurai hadis kelapan mengenai jihad dan perang pula, Dr Ali Jum'ah meluruskan kefahaman tentang konsep ini yang sering disalah tafsir hingga mencetuskan terorisme.

Katanya, peperangan terhadap Bani Quraisy dari Makkah bukan bermakna memaksa mereka memeluk Islam tetapi

untuk mempertahankan umat yang tinggal di Madinah.

"(Jadi) bukanlah peperangan itu hendak mengislamkan orang, bukan. Ia bertujuan semata-mata untuk mempertahankan diri. Islam ini agama terakhir, ia (agama ini) perlu mempertahankannya demi kemaslahatan keseluruhan," hurainya pada sesi pagi 27 Mei.

Syarahannya yang teliti bersama terjemahan yang lancar mengujakan peserta, yang hadir sejam lebih awal walau sesi bermula 9 pagi. Mereka khusyuk mendengar sambil mencatat mutiara ilmu daripadanya sehingga selesai setiap sesi.

Rata-rata peserta yang ditemui Selangorkini meluahkan rasa syukur dapat bimbingan seorang ulama luas ilmunya. Seorang pemuda dari Depok, Jakarta datang semata-mata untuk berguru dengan Dr Ali Jum'ah hingga khatam.

"Apabila saya tahu (festival turath), saya terus mencari tiket pesawat ke sini. Saya tidak fikir dua kali," kata Ahmad Munawar, 27, dari Pesantren Mahasiswa Al-Hikam. "Penyampaiannya luar biasa, saya syukur sekali dapat penjelasan rinci."

Sesi ke-12 kuliah ini Daurah Hadis 40 berakhir dengan majlis khatam dan Ijazah Hadis Musalsal, acara pengijazahan sanad hadis, akan berlangsung mulai 7 petang 30 Mei. Ia disempurnakan oleh Dr Ali Jum'ah.



Pertabalan Agong

Foto Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar



Tanggal 20 Julai menjadi detik bersejarah negara apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Yang di-Pertuan Agong ke-17 Sultan Ibrahim ditabal di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Pertabalan penting kerana ia melambangkan sistem raja berperlembagaan di Malaysia serta menjulang kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai payung rakyat.

Istiadat itu diadakan di balairong seri istana, namun era awal kemerdekaan

menyaksikan Yang di-Pertuan Agong ditabal di Jalan Ampang, ibu negara.

Sempena hari keputeraan Seri Paduka pada 3 Jun, wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyorot lokasi pertabalan Yang di-Pertuan Agong sejak 67 tahun lepas.

Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang ❶

MENJADI tempat pertama pertabalan Yang di-Pertuan Agong, bangunan asal Dewan Tunku Abdul Rahman dibina pada 1935. Awalnya dimiliki pelombong dan pengusaha ladang getah di Kuala Lumpur.

Bangunan itu didirikan di kebun rambutan seluas 2.6 hektar. Namun bertukar tangan kepada British selepas Perang Dunia Kedua.

Setelah merdeka, jawatan Yang di-Pertuan Agong diisi Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra mencadangkan dewan itu sebagai lokasi pertabalan Seri Paduka.

Tuanku Abdul Rahman ditabalkan di dewan berkenaan pada 2 September 1957. Seterusnya tempat itu menyaksikan lima lagi pertabalan Yang di-Pertuan Agong kecuali DYMM Sultan Selangor Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj ibni Sultan Alauddin Sulaiman Shah yang mangkat beberapa jam sebelum ditabal pada 1 September 1960.

Dewan itu dirasmikan bapa kemerdekaan pada 24 Februari 1958 dan dinamakan Dewan Tunku Abdul Rahman. Pada hari perasmian,

turut berlangsung Persidangan Jawatankuasa Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Timur Jauh.

Lokasi berkenaan terus menjadi tempat acara penting negara seperti persidangan pertama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu pada 11 September 1959.

Ia juga menempatkan agensi kerajaan, antaranya Pejabat Rekod Awam (kini Arkib Negara), Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Pejabat Kadi Wilayah Persekutuan dan Balai Seni Lukis Negara.

Sejak 1989 hingga kini, ia menjadi bangunan pentadbiran Kompleks Penerangan Pelancongan (Matic). Yang di-Pertuan Agong ditabalkan di Dewan Tunku Abdul Rahman ialah:

YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad

Ditabal: 2 September 1957

Tempoh jawatan: 31 Ogos 1957 - 1 April 1960

Mangkat: 1 April 1960

RAJA PERLIS

Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Syed Hassan Jamalullail

Ditabal: 4 Januari 1961

Tempoh jawatan: 21 September 1960 - 20 September 1965

Mangkat: 16 April 2000

SULTAN TERENGGANU

Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Sultan Zainal Abidin

Ditabal: 11 April 1966

Tempoh jawatan: 21 September 1965 - 20 September 1970

Mangkat: 20 September 1979

SULTAN KEDAH

Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Sultan Badlishah

Ditabal: 20 Februari 1971

Tempoh Jawatan: 21 September 1970 - 20 September 1975

Mangkat: 11 September 2017

SULTAN KELANTAN

Sultan Yahya Petra ibni Sultan Ibrahim

Ditabal: 28 Februari 1976

Tempoh jawatan: 21 September 1975 - 29 Mac 1979

Mangkat: 29 Mac 1979



Istana Negara Lama, Jalan Istana 2

ISTANA Negara Lama di Jalan Istana, Kuala Lumpur menjadi lokasi kedua pertabalan Yang di-Pertuan Agong. Dibina pada 1928, bangunan seni bina palladian itu asalnya milik seorang jutawan.

Ia dijadikan markas tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua, sebelum dibeli DYMM Sultan Hisamuddin Alam Shah pada 1950-an untuk dijadikan istana Baginda.

Kerajaan persekutuan kemudian membeli bangunan itu untuk dijadikan Istana Negara, sekali gus menjadi kediaman rasmi Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong.

Ia diubah suai beberapa kali termasuk membina balairong seri menempatkan singgahsana diraja pada 1980-an. Singgahsana itu khusus untuk pertabalan, pengurniaan darjah kebesaran dan pingat persekutuan serta majlis hari keputeraan dan keagamaan.

Fungsinya sebagai tempat bersemayam berakhir apabila Yang di-Pertuan Agong ke-13 Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berpindah ke Istana Negara di Jalan Tuanku Abdul Halim pada 15 November 2011.

Kini, Istana Negara Lama berperanan sebagai Muzium Diraja yang menyimpan khazanah diraja dan sejarah tanah air. Yang di-Pertuan Agong ditabal di Istana Negara Lama ialah:

SULTAN PAHANG

Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah

Ditabal: 10 Julai 1980

Tempoh jawatan: 26 April 1979 - 25 April 1984

Mangkat: 22 Mei 2019

SULTAN JOHOR

Sultan Iskandar Ibni Sultan Ismail

Ditabal: 15 November 1984

Tempoh jawatan: 26 April 1984 - 25 April 1989

Mangkat: 23 Januari 2010



SULTAN PERAK

Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Sultan Yussuff Izzuddin Ghafarullahu-lah Shah

Ditabal: 18 September 1989

Tempoh jawatan: 26 April 1989 - 25 April 1994

Mangkat: 28 Mei 2014

YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

Tuanku Ja'afar Ibni Tuanku Abdul Rahman

Ditabal: 22 September 1994

Tempoh jawatan: 26 April 1994 - 25 April 1999

Mangkat: 27 Disember 2008

SULTAN SELANGOR

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Sultan Hisamuddin Alam Shah

Ditabal: 23 September 1999

Tempoh jawatan: 26 April 1999 - 21 November 2001

Mangkat: 21 November 2001

RAJA PERLIS

Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail

Ditabal: 25 April 2002

Tempoh Jawatan: 13 Disember 2001 - 12 Disember 2006

SULTAN TERENGGANU

Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

Ditabal: 26 April 2007

Tempoh Jawatan: 13 Disember 2006 - 12 Disember 2011

Istana Negara, Jalan Tuanku Abdul Halim 3

REKAAN istana baharu Yang di-Pertuan Agong ini menekankan ciri Islam dan tradisional Melayu pada bangunan dan persekitarannya. Terletak di kawasan seluas 97.65 hektar, ia mula beroperasi pada 11 November 2011, semasa pemerintahan Yang di-Pertuan Agong ke-13, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Satu istiadat menaikkan bendera peribadi Seri Paduka diadakan pada 15 November 2011 sebagai simbolik kompleks itu rasmi menjadi Istana Negara.

Ciri seni bina istana paling menonjol ialah 22 kubahnya. Pada dua kubah terbesar, terdapat reka bentuk sirih bertindih. Pada waktu malam, cahaya lampu hiasan menerangi kubah dan memberi kesan yang mempesona.

Istana Negara baharu ini lebih luas, sekali gus membolehkan setiap bilik dan dewan dibina khas untuk fungsi khusus. Singgahsana tempat bersemayam Seri Paduka di balairong seri menonjolkan ukiran tradisional Melayu serta tulisan khat 99 nama Allah SWT dan ayat-ayat suci al-Quran. Yang di-Pertuan Agong ditabalkan di istana ini ialah:

SULTAN KEDAH

Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Sultan Badlishah

Ditabal: 11 April 2012

Tempoh jawatan: 13 Disember 2011 - 12 Disember 2016

Mangkat: 11 September 2017

SULTAN KELANTAN

Sultan Muhammad V

Ditabal: 24 April 2017

Tempoh jawatan: 13 Disember 2016 - 6 Januari 2019

SULTAN PAHANG

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Ditabal: 30 Julai 2019

Tempoh jawatan: 31 Januari 2019 -30 Januari 2024

SULTAN JOHOR

Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar

Ditabal: 20 Julai 2024

Tempoh jawatan: 31 Januari 2024 - kini

Sumber portal rasmi Istana Negara Kuala Lumpur, portal rasmi Muzium Diraja dan portal rasmi Pusat Pelancongan Malaysia



Daulat Tuanku

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

**Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Tuanku**

pada

3 Jun 2024 Bersamaan 25 Zulkaedah 1445H

sembah takzim daripada:



Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEK)



Manuskrip al-Quran tulisan tangan dari Jawa dihasilkan menggunakan tinta daripada jelaga iaitu bahan utama dalam pembuatan dakwat tempatan pada abad ke-19



Selapas majlis perasmian pada 26 Mei, Dr Mohamad Fahmi yang diiringi Dr Ros Mahwati meneliti al-Quran tulisan tangan bertinta emas milik Istana Selindong Bayu Saiburi di Pattani



Naskah Munyatul Musolli (Cita-cita Orang yang Bersembahyang) bertarikh 9 Julai 1827 karangan ulama besar Sheikh Daud al-Fatani dari selatan Thailand berkaitan fihq solat



Dr Ros Mahwati memberi penjelasan kepada Dr Mohammad Fahmi berkenaan pelbagai jenis manuskrip bersejarah dari alam Melayu di Pameran al-Wahyu



Tafsir al-Jalain disusun ulama Mesir Jalaluddin al-Mahalli mulai 1459 dan diteruskan muridnya Jalaluddin as-Suyuthi pada 1505. Manuskrip ini disalin di atas lapisan nipis kulit pokok pada abad ke-19



Ditulis pada abad ke-18, manuskrip Nazam Kanz Ula karangan Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (Tokku Tuan Besar), ulama kelahiran Kuala Terengganu

Islam alam Melayu



Mushaf al-Quran berserta sampul kulit binatang tulisan tangan ulama terkenal Aceh Sheikh Nuruddin Al-Raniri yang mula disalin pada 1636 sebelum siap lima tahun kemudian




Sekumpulan pelajar pusat tahfiz kagum menyaksikan tiga manuskrip ilmu fihq dari Jawa dan Pattani pada abad ke-18 dan 19. Teks Jawa ditulis tembang macapat



Berusia 200 tahun, manuskrip Hang Tuah di atas kertas lama dari Eropah disimpan di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur tersenarai dalam Warisan Dunia Unesco pada 2001



Manuskrip perubatan tradisi Melayu memuatkan ilmu mengenai akar kayu untuk penyembuhan. Selain kitab ini, pengetahuan berkaitan urat sendi juga dihasilkan




Warkah Sultan Terengganu Sultan Zainal Abidin membalas surat Major Matt WT Taylor di Singapura bertarikh 28 Rejab 1321 (20 Oktober 1903) berhubung pembunuhan warga Perancis di Pahang



Manuskrip Bintang 12 dari Melaka mengandungi kaedah bagi meramal angin besar dan waktu sesuai untuk pelayaran berdasarkan hari, bulan Islam dan peredaran planet



Sebuah keluarga tertarik menyaksikan dua manuskrip al-Quran tulisan tangan bertinta emas dari Jawa dan Terengganu yang menghiasi halaman teks berkenaan



Orang ramai berpeluang menyaksikan manuskrip ilmu tauhid dan tasawuf dari Pattani, Thailand yang ditulis dalam bahasa Siam lama dalam Pameran al-Wahyu



Kaedah pembuatan kris pada abad ke-19 yang menghurai ilmu teknik dan keperluan bahan bagi membentuk bilah termasuk corak garisan dan lekuk terkandung dalam manuskrip ini

Sempena Festival Turath Islami Selangor, antara 26 Mei hingga 2 Jun, Pameran al-Wahyu memaparkan 22 manuskrip bersejarah termasuk al-Quran tulisan tangan berusia 400 tahun. EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah merasmikan pameran yang diadakan di Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam pada hari pertama festival. Selain kitab suci dan ilmu asas agama, pameran itu memaparkan manuskrip perubatan, astronomi, kesusasteraan, persenjataan dan warkah hubungan diplomasi. Ts Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria yang mengetuai Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu ditugaskan sebagai kurator pameran. Sebahagian besar artefak dibawa dari Muzium al-Quran Narathiwat, selatan Thailand, selain Perpustakaan Negara Malaysia dan koleksi individu. Jurufoto AHMAD ZAKKI JILAN dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakam majlis perasmian dan 11 manuskrip. Ayat al-Quran dikabur demi menjaga kesuciannya. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.

Alunan selawat, zikir



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN & REMY ARIFIN**

Festival Turath Islami Selangor bukan sekadar mendalami ilmu tetapi mengingati Allah dan rasul-Nya dalam melalui marhaban, qasidah, selawat dan konsert zikir.

Acara ini disusun berselang-seli dengan sesi menadah kitab Hadis 40 (talaqqi) dan seminar penghayatan Riyadus Salihin, satu lagi karya penting Imam Nawawi.

Hadis 40 dihurai selama lima hari hingga khatam pada malam 30 Mei, sementara perbincangan Riyadus Salihin diadakan dalam lima sesi antara pagi 1 Jun hingga petang 2 Jun.

Semua ini diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Kemuncak festival, pada malam 1 Jun, penganjur membawa konsert daripada kumpulan nasyid terkenal Ikhwah Abu Shaar dari Syria (**foto 1**).

Keesokannya, Majelis Azzahir

(**foto 2**) dari Pekalongan, Indonesia datang dalam majlis mengingati Rasulullah melalui acara Darul Ehsan Berselawat dan Maulid Akbar.

Kedua-duanya diadakan jam 8 hingga 11 malam di Dataran Karnival, Stadium Shah Alam. Majlis terbuka untuk orang awam ini dijangka menarik ribuan peserta.

Pernah mengadakan persembahan di negara ini, Abu Shaar ditampilkan kali pertama pada festival turath tahun ini. Kini menetap di Mesir, ia ditubuh pada 1983.

Abu Shaar dianggotai 10 orang, termasuk enam beranak yang diketuai bapa mereka Muwaffaq Ahmed Ismail Abu Sha'ar. Berasal dari Damsyik, mereka kerap mengadakan persembahan di serata dunia.

"Kali ini, mereka dibawakan khusus untuk santapan rohani pengunjung festival. Kita juga enakkan halwa telinga dengan program Darul Ehsan Berselawat dan Maulid Akbar.

"Untuk itu kita bawa kumpulan Majelis Azzahir. Dipimpin habib Ali Zainal Abidin Assegaf, kumpulan ini amat terkenal. Kemunculan mereka di pentas acap kali menarik puluhan ribu hadirin," kata Pengarah Sekretariat Farhan Affandi.

Acara menarik

Beliau berharap orang ramai tidak melepaskan peluang menonton persembahan secara langsung kedua-dua acara menarik berkenaan.

"Kita mengharapkan dendangan pelbagai qasidah yang mengagungkan Allah SWT, selawat puji-pujian kepada baginda Rasulullah SAW akan menambah keberkatan festival kali ini," katanya.

Selain acara kemuncak ini, festival turath diiringi qasidah kumpulan al-Madad pada 27 Mei (**foto 3**). Ditubuhkan pada Julai 2023, lima daripada lapan anggotanya mengalami masalah penglihatan.

Berusia antara 20 hingga 25 tahun, kumpulan itu diketuai Mohamad Syafizwan Mohd Suhaili, muazzin Masjid Negeri, Shah Alam. Beliau bersama empat rakan mengalunkan selawat dan zikir antara Maghrib hingga Isyak.

Dua daripada anggota belajar di Darul Quran, Hulu Selangor. Mereka aktif berqasidah khususnya dalam majlis maulid Nabi SAW.

Pada 28 Mei, para peserta festival turath pula dihidangkan alunan qasidah dan Maulid al-Diya' al-Lami' daripada empat ahli kumpulan Darul al-Murtadza (**foto 4**) di dewan solat utama.

Diasaskan oleh habib Ali Zaenal Abidin al-Hamid pada 2012, kumpulan ini berkhidmat di Majelis Ta'lim Darul Murtadza, persatuan yang aktif dalam aktiviti dakwah khususnya di Lembah Klang.

Mereka memenuhi pelbagai undangan seperti majlis ta'lim, majlis kenduri dan acara keraian. Pada 31 Mei mereka sekali mengalunkan puji-pujian kepada Rasulullah di lokasi sama bermula 7 malam.



Darulat Tuanku

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Tuanku

pada

3 Jun 2024 Bersamaan 25 Zulkaedah 1445H

sembah takzim daripada:



MediaSelangor

Oleh NAZLI IBRAHIM

Usaha Kerajaan Negeri menterjemah karya agung dunia sejak lapan tahun lalu sememangnya mendapat sokongan luar biasa penggemar buku, khususnya bertema agama dan sejarah.

Menerusi Siri Pencerahan Selangor, karya-karya terjemahan juga mencakupi tema sejarah negawaran, politik, biografi tokoh, sastera, sains, falsafah dan budaya laris di pasaran, khususnya di acara pesta buku.

Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menjayakan gerak kerja penterjemahan menerusi geran Kerajaan Negeri, selain bantuan agensi kerajaan persekutuan. Usaha itu pernah mendapat kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Melalui usaha sama dengan Media Selangor Sdn Bhd, IBDE menerbitkan 20 judul. Ia turut bekerjasama dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi menterjemah 20 jilid Ihya Ulumuddin, karya terpenting Imam al-Ghazali.

Karya terjemahan IBDE berjudul Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal (Martin Lings) menjadi buku paling mendapat sambutan hangat.



Karangan Lings, atau nama Islamnya Abu Bakar Sirajuddin, diusaha dengan kerjasama PPAS menukulkan hidup Rasulullah SAW berpandukan sirah terawal seperti sirah Ibnu Ishaq, Ibnu al-Tabari, Ibnu Hisham dan al-Waqidi yang usianya lebih 1,200 tahun.

Sementara itu terjemahan baharu diterbitkan dengan kerjasama Media Selangor, Hikayat Hayy bin Yaqzan: Manusia Asuhan Rusa turut menjadi tumpuan utama penggemar buku.

Karya klasik

Karya falsafah klasik karangan Abu Bakr Muhammad Ibnu Tufail membedah perbincangan mengenai Tuhan menggunakan akal. Karya ilmuwan Andalusia itu mendatangkan kesan cukup besar kepada pemikiran Barat.

Karya agung buruan ramai



Satu lagi terjemahan baharu yang hangat ialah Detik-detik Akhir Empayar Utsmaniah, hasil kajian anak jati Turkiye M Sukru Hanioglu.

Terbitan usahasama Media Selangor itu membawa pembaca mengenali kekuatan, kelemahan dan ketahanan sebuah empayar Islam yang berada di ambang kejatuhan sebelum menemui makna tersembunyi daripada puing-puing runtuhnya sejarahnya.

Diterjemah melalui kerjasama Akademi Pemikiran Turath Al-Mustanir, 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian untuk Dunia Semasa juga mendapat sambutan menggalakkan.

Karangan bekas Mufti Besar Mesir Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Abdul Wahab itu digunakan sebagai teks utama untuk 12 sesi pengajian di Festival Turath Islami Selangor, antara 26 hingga 30 Mei.

Kitab huraian Ahli Majlis Tertinggi Ulama Universiti al-Azhar itu menumpukan nilai dibawa Rasulullah SAW dengan memperbetulkan salah faham masyarakat, misalnya perintah Allah untuk memerangi manusia supaya beriman.

Pencerahan kerohanian

Kitab karangan Imam al-Ghazali, Ramuan Kebahagiaan juga laris di pasaran. Kitab tasawuf oleh Hujjatul Islam itu sesuai sebagai panduan mengubah hidup bagi pencari kebahagiaan dan pencerahan kerohanian.

Terbit dengan kerjasama Media Selangor, Gelagat dan Ragam Orang Melayu terus dicari peminat. Ia merakam catatan pegawai British Sir Frank Swettenham semasa berkhidmat di Tanah Melayu pada abad ke-19.

Biografi khalifah ar-Rasyidin kedua Umar al-Khattab: Kebijaksanaan Sebagai Pedang

karya asal Abbas Mahmud al-Aqqad juga antara yang menjadi perhatian.

Tulisan penulis hebat Mesir itu antara pelengkap kepada peminat sejarah awal perkembangan Islam. Ia membawa pembaca mengenal sisi lain di sebalik ketegasan sahabat Nabi Muhammad SAW itu.

Satu lagi terjemahan kisah tokoh Islam iaitu Salahuddin al-Ayubi: Raja Penakluk oleh John Man termasuk dalam carta naskhah dicari ulat buku.

Memperincikan liku dilalui tokoh muslim berbangsa Kurdistan itu, buku itu menjelaskan mengapa beliau terus dikagumi orang Barat sehingga hari ini.

Lagi terjemahan kitab agama, Penyucian Kalbu: Tanda-Tanda Penyakit Hati dan Penawarnya menarik pembaca. Tulisan Hamza Yusuf itu diolah daripada kitab Matharatul Qulub karangan tokoh sufi Muhammad Maulud Ya'qub.

Turut laris ialah terjemahan karangan Virginia Woolf bertajuk Kepada Rumah Api. Novel oleh wanita Inggeris itu dianggap antara sastera hebat abad ke-20.

Semua judul buku terbitan IBDE berkenaan antara judul tumpuan pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 antara 24 Mei hingga 2 Jun di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

Terjemahan adiknya dunia itu boleh dibeli di reruai IBDE nombor 4053 hingga 4060 dari 10 pagi hingga 10 malam.

Menurut Eksekutif Jualan dan Pemasaran IBDE Mohammad Hakim Mohammad Hood, kira-kira 15,000 hingga 20,000 buku daripada lebih 80 judul ditawarkan kepada pengunjung sepanjang 10 hari PBAKL berlangsung.

Katanya, pembeli juga bakal menikmati diskaun di gerai IBDE antara 10 hingga 20 peratus, selain berpeluang memenangi cabutan bertuah dan hadiah istimewa.

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Pemangku ketua wartawan:
Nadiah Zamlus
sitinadiah@mediaselangor.com

Jurufoto kanan:
Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharaludin@mediaselangor.com



MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



Anwar mengunjungi reruai pameran sempena Ekspo Semicon Asia Tenggara 2024 di Pusat Perdagangan dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MiTEC), Kuala Lumpur pada 29 Mei. Foto FIKRI YUSOF

Wujudkan syarikat tawar gaji tinggi

Semikonduktor tarik RM500 bilion

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dijangka berupaya menarik pelaburan RM500 bilion sepanjang fasa pertama pelaksanaannya, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan unjuran itu pelaburan langsung domestik (DDI) yang tertumpu kepada reka bentuk litar bersepadu dan pembungkusan termaju, lapor Bernama.

Beliau juga berharap sekurang-kurangnya 10 syarikat reka bentuk dan pembungkusan mampu menjana

pendapatan antara RM1 bilion hingga RM4.7 bilion menjelang fasa kedua.

"Selain itu, sekurang-kurangnya 100 syarikat berkaitan semikonduktor dengan pendapatan hampir RM1 bilion serta mewujudkan gaji lebih tinggi," katanya.

Beliau yang juga menteri kewangan berucap dalam Ekspo Semicon Asia Tenggara 2024 di ibu negara pada 29 Mei.

Anwar menambah pelan tersebut juga menyasarkan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan untuk semikonduktor melibatkan universiti bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan.

"Kita juga mahu melatih 60,000 jurutera mahir selain peruntuk sekurang-kurangnya RM25 bilion untuk sokongan fiskal bagi mengaktifkan NSS," katanya.

Menurut Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz, NSS mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam bidang semikonduktor dalam rantaian antarabangsa.

Beliau turut menjelaskan Malaysia sepanjang 18 bulan terakhir menarik perhatian beberapa syarikat elektronik gergasi di dunia antaranya Intel, GlobalFoundries, Infineon dan Neways.

RM1.45 bilion potensi pelaburan

SHAH ALAM - Potensi pelaburan RM1.45 bilion dan eksport RM550 juta diraih hasil pertemuan dengan syarikat Jepun sempena lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri pelaburan, perdagangan dan industri berkata beberapa projek dijangka masa tiga tahun sekali gus mewujudkan ekosistem kukuh dalam pelbagai sektor khususnya semikonduktor.

Menurut Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, ia mencerminkan keyakinan pelabur Jepun terhadap Pelan

Induk Perindustrian Baharu dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, lapor Bernama.



Katanya, mereka juga disaran melabur dalam sektor aeroangkasa, tenaga boleh baharu kimia dan petrokimia, ekonomi digital, elektrik dan elektronik, farmaseutikal dan teknologi hijau.

"Kita alu-alukan projek pembesaran yang diumumkan pelabur Jepun merentas pelbagai sektor strategik antaranya semikonduktor, kimia dan petrokimia dan tenaga boleh baharu," katanya.

Beliau menyertai Anwar yang me-

ngadakan pertemuan bersama syarikat Jepun di Tokyo sempena lawatan dua hari berakhir 24 Mei.

Syarikat yang terlibat antaranya IHI Corporation, Nisshin Oillio Group, Tokuyama Corporation, Sumitomo Corporation, ENEOS Holdings, Mitsubishi Corporation dan Tokyo Gas.

Jepun rakan dagangan keempat terbesar Malaysia pada 2023 dan pelabur keempat terbesar dalam sektor pembuatan.

Setakat 2023, sebanyak 2,810 projek pembuatan dengan penyertaan Jepun dijangka membabitkan pelaburan bernilai RM102.11 bilion yang mewujudkan 344,120 peluang pekerjaan.

Makanan berkhasiat untuk murid B40

SHAH ALAM - Program Susu Sekolah membawa manfaat kesihatan kepada seramai 753,054 murid daripada 7,398 sekolah rendah di seluruh negara, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Beliau memberitahu program bawah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) itu bertujuan menangani isu kemiskinan terutama kekurangan khasiat dalam kalangan murid keluarga berpendapatan rendah.

"Setiap kanak-kanak berhak menerima khasiat pemakanan seimbang. Kanak-kanak yang mendapat makanan berkhasiat membesar sihat dan berupaya membentuk potensi diri," katanya.

Beliau ditemui ketika merasmikan sambutan Karnival Hari Susu Sekolah Sedunia peringkat kebangsaan di Melaka pada 25 Mei.

Tubuh Suruhanjaya Gig pada Julai

SHAH ALAM - Rang undang-undang berkaitan Suruhanjaya Gig dibentang di Parlimen pada Julai selepas menerima usul daripada golongan belia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau memberitahu kerajaan mengambil langkah demikian berikutan ada usul supaya suruhanjaya itu diadakan kerana kira-kira 100,000 anak-anak muda bekerja dalam sektor tersebut.

"Kita telah siapkan undang-undang dan boleh dibentang di Parlimen pada Julai," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Belia Negara peringkat Kebangsaan di Melaka pada 25 Mei.

Dalam penutupan Kongres Ekonomi Bumiputera di Putrajaya pada Mac, Anwar mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig demi melindungi hak 1.12 juta pekerja sampingan (gig).

3 juta pencarum mohon pindah wang

SHAH ALAM - Sebanyak 2.86 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memohon pindahan amaun keseluruhan RM9.78 bilion daripada akaun sejahtera ke akaun fleksibel.

Ketua Pegawai Operasinya Szaliza Zainuddin memberitahu jumlah tersebut dijangka terus bertambah berikutan tarikh tutup permohonan hanya pada 31 Ogos 2024, lapor Bernama.

Menasihati pencarum supaya tidak tergesa-gesa membuat pemindahan, beliau gembira berikutan bilangan permohonan menggunakan aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun meningkat ketara.

Mulai 12 Mei, ahli diberi pilihan untuk memindah sepertiga baki simpanan daripada akaun sejahtera ke akaun fleksibel, tertakluk kepada baki dalam akaun sejahtera ketika memohon.

Tren tambahan sempena Aidiladha

SHAH ALAM - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan tambahan dua unit tren elektrik (ETS) laluan Padang Besar-KL Sentral dan KL Sentral-Butterworth dan sebaliknya setiap satu.

Sempena Aidiladha, tren laluan Padang Besar ke KL Sentral beroperasi mulai 13 hingga 18 Jun dan 21 hingga 23 Jun manakala Butterworth ke KL Sentral (13 hingga 18 Jun), lapor Bernama.

Dalam kenyataan pada 25 Mei, KTMB memberitahu 9,450 tiket tren tambahan termasuk koc kelas perniagaan dijual mulai 26 Mei bagi menampung permintaan tinggi semasa musim perayaan.

Pembelian boleh dibuat menerusi aplikasi KTMB Mobile (KITS) yang dimuat turun dari Google Play Store, Apple Store dan Huawei App Gallery atau membeli melalui laman sesawang rasmi KTMB.

Pengguna dinasihati merancang perjalanan dan membuat pembelian awal bagi menikmati tambang menjimatkan serta elakkan pembelian tiket pada saat akhir.

"Penambahan perkhidmatan ini bertujuan menampung permintaan tinggi semasa musim perayaan dan mengelakkan kesesakan trafik bagi mereka yang ingin pulang ke kampung halaman," kata kenyataan.

28,828 veteran tentera dapat bantuan

SHAH ALAM - Seramai 28,828 daripada 41,000 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen di seluruh negara menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) RM300 sebulan setakat 30 April.

Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari berkata peruntukan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ditingkat daripada RM54 juta pada 2022 kepada RM118 juta (2023)



dan RM244 juta (2024).

Beliau juga memberitahu bilangan penerima meningkat daripada 6,000 hingga 10,000 orang sebelum ini kepada lebih 28,000, lapor Bernama.

"Menjadi tugas kita untuk jaga kebajikan veteran selaras seruan perdana menteri. Kita benar-benar melaksanakannya," katanya dalam Program Veteran Madani di Cameron

Highland pada 21 Mei.

Adly menambah pihaknya berharap bantuan itu meringankan beban veteran ATM tidak berpencen yang diklasifikasi sebagai miskin tegar dan berada bawah Pendapatan Garis Kemiskinan.

Beliau juga melawat lima veteran kalangan Orang Asli untuk menyerahkan bantuan antaranya susu kesihatan, lampin pakai buang dan wang tunai selain bakul Rahmah kepada 100 veteran ATM Pahang.

Subsidi bersasar

Sumbangan tunai kenderaan diesel

SHAH ALAM - Pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana layak memohon sumbangan tunai.

Menurut Kementerian Kewangan,

pengguna kenderaan di Semenanjung layak memohon melalui Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani mulai 28 Mei, lapor Bernama.

Kenyataan menyebut pemilik kenderaan persendirian atas kriteria tertentu boleh memohon bawah kategori Budi Individu manakala petani dan pekebun kecil bawah Budi Agri-Komoditi.

"Penerima yang layak bawah kedua-dua kategori akan disalurkan Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring pelaksanaan penyasaran subsidi diesel," kata Kementerian tersebut pada 27 Mei.

Kriteria kelayakan kategori Budi Individu antaranya pemohon penduduk tempatan, memiliki kenderaan diesel

persendirian berdaftar selain kenderaan mewah berusia bawah 10 tahun.

Sementara itu, petani, penternak dan pengusaha akuakultur disaran mendaftar Sistem Pendaftaran Geo-Agro bagi menikmati bantuan tunai ekoran penyasaran subsidi diesel.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sumbangan itu dihulur kepada mereka melalui Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

Pendaftaran berkenaan boleh dibuat menerusi pautan <https://geo-agroregister.kpk.gov.my> sebelum membuat permohonan melalui portal Budi Madani iaitu <https://budimadani.gov.my>.

Jualan Madani bantu rakyat berjimat

SHAH ALAM - Sebanyak 2,745 program Jualan Agro Madani antara 1 Januari hingga 12 Mei memberi penjimatan kira-kira RM16.8 juta kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjelaskan program itu juga membantu lebih 31,000 usahawan tempatan berikutan jualan RM56.55 juta dicatat dalam tempoh tersebut.

Datuk Arthur Joseph Kurup berkata rakyat boleh membeli beras, ikan segar, sayur-sayuran dan buah-buahan terus daripada pengeluar atau pengusaha dengan penjimatan sehingga 30 peratus.

"Ini kerana (ia) tidak melibatkan orang tengah," katanya seperti dilapor Bernama selepas merasmikan Karnival

Jualan Agro Madani Mega di Tawau, Sabah pada 25 Mei.

Jualan itu dijayakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Menyasarkan 5,000 Jualan Agro Madani di seluruh negara pada tahun ini, Arthur memberitahu kerajaan berusaha memastikan nasib semua pihak dibantu dalam berdepan cabaran kos sara hidup.

Katanya, 5,608 program sama diadakan sepanjang tahun lalu melibatkan 74,841 usahawan dengan nilai jualan RM93.74 juta yang membawa penjimatan RM27.8 juta kepada 11.6 juta isi rumah.



KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

TAWARAN ADALAH DIPELAWA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERPENGALAMAN DAN MEMPUNYAI PENDAFTARAN YANG DITETAPKAN UNTUK MENYERTAI TENDER SEPERTI BERIKUT:

PERKARA	TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN TENDER	KRITERIA MENYERTAI TENDER	TARIKH TUTUP TENDER
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEROSAKAN BANGUNAN DAN MENGECAT LUARAN DINDING BANGUNAN BLOK A, B, D, E, F, G, H, J, K, L, M, N, P DAN Q DI PUSAT KOMERSIL SEKSYEN 7, SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN.	<p>TAKLIMAT TENDER TARIKH: 15 JUN 2024 MASA: 10.00 pagi LOKASI: BILIK GERAKAN PERSATUAN PENDUDUK PUSAT KOMERSIL SEKSYEN 7, Jalan Plumbum AC7/AC, Pusat Komersil Sekyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>HARGA DOKUMEN TENDER: RM150.00 TUNAI</p> <p>Nota: Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN. Sila bawa cop syarikat dan Salinan Profil Syarikat</p>	<ol style="list-style-type: none"> Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta mempunyai lesen/sijil perakuan yang masih sah; Mempunyai LESEN/SIJIL dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), minimum CIDB gred G2 kategori B04, B06 & B14 serta mempunyai lesen yang masih sah; Syarikat tidak disenaraihitam daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). 	<p>TARIKH: 29 JUN 2024 HARI: SABTU MASA: SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI.</p> <p>TEMPAT: PEJABAT BADAN PENGURUSAN JMB "PK SEK: 7 COMMITTEE" AC1/47-B BLOK A, JALAN PLUMBUM AC7/AC, PUSAT KOMERSIL SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN</p>

- Petender yang menghadiri taklimat sahaja layak untuk menyertai tender.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah ditanda dengan "**TENDER BAIKPULIH DAN MENGECAT BANGUNAN**" di hadapan sampul.
- Dokumen Tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TENDER DI PEJABAT URUSAN JMB "PK Sek: 7 Committee", AC1/47-B Blok A, Jalan Plumbum AC7/AC, Pusat Komersil Sekyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM ATAU PADA 29 JUN 2024, JAM 12.00PM**. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Pemilihan tender akan dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Khas Tender JMB "PK SEK: 7 COMMITTEE" dan hanya Petender yang berjaya akan dimaklumkan.



CERIA... Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan merasmikan Sambutan Hari Landskap Negara 2024 di Taman Tasik Shah Alam pada 25 Mei. Turut mengiringi Baginda, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming serta Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Foto Facebook Amirudin Shari

Tawar rumah teres dua tingkat

PKNS lancar Puteri Ariana 2

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

GOMBAK - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan projek pembinaan 72 unit rumah teres dua tingkat, Puteri Ariana 2 Kota Puteri, yang dijual bermula RM688,600 seunit.

Menurut ketua pegawai eksekutifnya, kediaman empat bilik tidur dan tiga bilik air seluas 1,789 hingga 2,060 kaki persegi di Batu Arang, Gombak dibina mulai Ogos dan dijadual siap Disember 2026.

Dato' Mahmud Abbas menjelaskan perumahan itu dihubungkan dengan Lebuhraya Guthrie, Lebuhraya Damansara-Shah Alam, Lebuhraya Baru Lembah Klang dan Jalan Persekutuan Shah Alam-Batu Arang.

"Ia berdekatan Universiti Selangor kampus Bestari Jaya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dan Puncak Perdana, Hospital UiTM, balai polis Kota Puteri, taman permainan dan pusat komersial.

"Dibina atas lokasi seluas 2.61 hektar, rumah teres Puteri Ariana 2 ada anjung kereta yang luas dan susun atur pelan lantai yang efisien," katanya selepas

melancarkan projek itu pada 25 Mei.

Beliau menambah PKNS juga menumpukan pembinaan moden berkonsep kelestarian bagi menyokong amalan alam sekitar, sosial dan amalan tadbir urus dalam setiap pembangunan.



"Projek ini membabitkan nilai pembangunan kasar RM52.7 juta. Kami yakin projek Puteri Ariana 2 mendapat sambutan kerana lokasi strategik antara perkara utama dinilai pembeli," katanya.

Pembeli yang berminat boleh berkunjung ke galeri jualan hartanah Kota Puteri atau hubungi eksekutif jualan PKNS di talian 03-5022 0188 atau 010-928 0187.

Baru-baru ini PKNS meraih tiga anugerah berprestij dalam StarProperty Awards 2024 – Real Estate Developer di Petaling Jaya.

Projek Puteri Ariana di Kota Puteri menang The Cornerstone Award – Best Landed Development dan projek Ixora di Antara Gapi (The Family Friendly Award – Best Family Centric Development). Kempen Discover PKNS 2023 pula menerima Readers' Choice Award – Newsmaker of the Year, lapor Bernama.

Pasukan khas perangi kes denggi

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menubuhkan pasukan khas bagi memerangi denggi susulan peningkatan kes di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon berkata tujuh lokasi dikenal pasti memerlukan pemantauan manakala pengajuran gotong-royong dan memusnah tempat pembiakan nyamuk giat dijayakan.

"Tumpuan juga diberi kepada kawasan berisiko menjadi tempat takungan aedes seperti kebun komuniti yang tidak berdaftar, longkang tersumbat dan longgokan sampah," katanya pada 22 Mei.

Beliau juga mengingatkan pemilik premis yang mereka boleh dikenakan tindakan bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) jika ada pembiakan aedes.

Sementara itu, lebih 82 peratus projek yang dijayakan MBPJ antara 1 Februari hingga 10 Mei.

Mohamad Zahri berkata sebanyak 31 projek siap antaranya Sistem Smart Billboard, Pelancaran Program Jalinan Kasih 3R PJKita, Pelan Tindakan Inovasi MBPJ serta Recycle and Redeem Caj Beg Plastik MBPJ.

Jalan Bidor & Lorong Bidor, Taman Summit, 41300 Klang, Selangor

HAKMILIK KEKAL

Unit **BUMIPUTRA Sahaja**

Jenis Bangunan	Harga Jualan Selepas 7% Diskaun		Luas Tanah		Luas Binaan
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	
Rumah Berkembar 2 tingkat	RM 1,209,000.00	RM 1,395,000.00	334.48 mps	376.61 mps	140.46 mps

Koordinat Lokasi GPS:
3.048225, 101.459271

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
03-3168 4907

Pemaju: Kuangmas Sdn Bhd (334264-V). Tel.: 03-31684907. Alamat: 140, Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Port Klang, Selangor Darul Ehsan. Jenis Pembangunan: Rumah Berkembar. No. Lesen Pemaju: 8724/02-2026/0280(R). Tempoh Sah: 09/02/2023 – 08/02/2026. No. Permit Iklan dan Jualan: 8724-3/02-2025/0255(R)-(L). Tempoh Sah: 09/02/2024 – 08/02/2025. Pihak Berkuasa Kelulusan Pelan MAJLIS PERBANDARAN KLANG NO RUK: MPK/BGN-600-4/1/0189(2019). Pegangan Tanah: selama-lamanya. Syarat Nyata: Bangunan Kediaman. Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2024. Jumlah baki unit: 6 unit 2 tingkat RM1,209,000-RM1,395,000. Iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Salur RM1 juta bantu asnaf

SHAH ALAM - Hampir RM1 juta disalur Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi membantu asnaf menerusi zakat wakalah, kata ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporatnya.

Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu MBI sentiasa cakna bagi membantu empat kategori asnaf iaitu fakir, miskin, gharimin dan fisabilillah selain berharap ia dapat meringankan beban penerima.

"Pemberian zakat wakalah tidak terhad kepada golongan asnaf sahaja tetapi ia juga diagihkan kepada sekolah agama, masjid dan surau yang memerlukan bantuan," katanya pada 22 Mei.

350,000 penerima zakat RM1.15 bilion

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagih RM1.15 bilion bayaran zakat sepanjang tahun lalu melibatkan lebih 350,000 penerima individu serta organisasi.

Pengerusinya Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata agihan kepada lapan kategori penerima antaranya asnaf fakir dan miskin meningkat 9.7 peratus berbanding RM1.05 bilion pada 2022.

Beliau memberitahu agihan tersebut memanfaatkan lebih 65,000 keluarga, malah usaha berkenaan membantu

lebih 3,600 keluarga keluar daripada belunggu kemiskinan.

"Agihan terbesar kepada pembantuan sosial RM777 juta meliputi hampir 77 peratus jumlah keseluruhan. Kategori penerima terbesar ialah fakir, miskin dan muafaf melebihi RM670 juta.

"LZS turut menyalur RM171 juta kepada sektor pendidikan untuk bayaran yuran serta biasiswa demi menjamin generasi masa depan," katanya dalam sidang media pada 23 Mei.

Syed Anwar juga menjelaskan

LZS sepanjang tahun lalu mengutip RM1.12 bilion zakat, meningkat hampir RM51.1 juta daripada RM1.07 bilion pada 2022.

"Tahun ini kita sasar kutipan RM1.15 bilion. Kepercayaan pembayar zakat menjadi faktor utama jumlah semakin meningkat.

"Sepanjang 30 tahun, LZS mengagihkan lebih RM11 bilion kepada golongan memerlukan," katanya.

Bulan lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbiran negeri meletakkan sasaran untuk menghapuskan keluarga miskin tegar selewat-lewatnya pada Julai ini.



Bentang laporan agihan bukti ketelusan

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) institusi zakat pertama mengeluarkan laporan pencapaian urusan kutipan dan pengagihannya.

Pengerusinya Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata Laporan Kelestarian LZS 2023 menunjukkan ketelusan LZS sepanjang menjalankan amanah dan tanggungjawab berkenaan.

"Laporan ini lebih telus. Kita lakukan ikut proses. Buat audit akaun dan bawa ke lembaga pengarah sebelum buat pengumuman mengenai akaun.

"Jadi orang tahu ke mana kutipan dibuat. Ini pertama kali kita laksanakan. Tidak wajib tetapi kita lakukan sebagai inisiatif sendiri," katanya pada 23 Mei.

Ketua Pegawai Eksekutif Mohd Sabirin Mohd Sarbini pula berkata pihaknya menjangka golongan asnaf meningkat kepada 157,000 keluarga menjelang 2030.

"Setakat ini, hampir 70,000 keluarga asnaf dibantu mengikut statistik yang ada. Keluarga ini memiliki pendapatan isi rumah bawah RM2,990 sebulan dan perlu dibantu," katanya.

Beliau berkata pihaknya turut berkongsi data dengan Kerajaan Negeri untuk mengesan golongan yang perlu mendapat bantuan.

"LZS juga menjalankan operasi harian bagi menjejak individu memerlukan selain melaksanakan banciaan," katanya.

Urus pelajar negeri ke Timur Tengah

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menawarkan bantuan pengurusan kepada pelajar persendirian yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke Mesir dan Jordan.

Bantuan tersebut merangkumi penginapan di asrama anak Selangor di Mesir, penerbangan bersama pengiring, program pembangunan akademik serta kursus persediaan sebelum ke Timur Tengah.

Menurut Jais di Facebook, tawaran kepada pelajar persendirian lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dibuka hingga 30 Jun.

"Jais juga menyediakan kos pengurusan yang berpatutan dan tidak membebankan selain semua pelajar akan diuruskan melalui Bahagian Pendidikan Islam Jais," kata kenyataan

pada 19 Mei.

Permohonan dalam talian pula boleh dibuat melalui pautan pengajiantinggi.jais.gov.my

Maklumat lanjut hubungi talian 03-5514 3400 dan sambungan ke Unit Pengajian Tinggi dan Sepanjang Hayat Bahagian Pendidikan Islam Jais atau aplikasi WhatsApp 010-343 7054.

Pada Oktober tahun lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyatakan hasrat untuk membangunkan penempatan pelajar kepada anak negeri yang menyambung pengajian di Mesir.

Beliau juga mengumumkan peruntukan RM200,000 dalam belanjawan tahun ini bagi menjayakan kerja menaik taraf Asrama Selangor di Mesir demi penyelesaian 156 mahasiswa negeri.



PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
199001014678 (206347-V)

KENYATAAN TENDER

Melalui Kaedah Request For Proposal ("RFP")



PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD ("PNSB") INGIN MEMPELAWA PIHAK (SYARIKAT/PERBADANAN/KONSORTIUM) YANG BERMINTA SERTA BERKEMAMPUAN DAN BERPENGALAMAN UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMBANGUNAN BERSAMA (JOINT VENTURE) DI ATAS SEMBILAN (9) PLOT TANAH SELUAS 17.24 EKAR, BERTEMPAT DI BANDAR BARU SALAK TINGGI, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN

1. Terma dan syarat bagi RFP ini diperincikan di dalam dokumen RFP ("**RFP Package**") dan boleh diperolehi mulai **Isnin, 27 Mei 2024**.
2. Sila hubungi Zainurin Rusly di 016-2802081 atau di alamat emel: 'rfp_bbst3@pnsb.com.my' untuk urusan perjanjian *non-disclosure agreement* dan pembayaran RFP Package.
3. Pihak yang berminat adalah **DIGALAKKAN** untuk menyertai lawatan tapak dan taklimat RFP yang akan diadakan pada hari **Rabu, 5 Jun 2024, 10.30 pagi** bertempat di alamat: Pejabat Tapak PNSB (Site Office), No. 12, Jalan 3, Medan 120, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor.
4. Tarikh Tutup bagi RFP ini adalah pada hari **Jumaat, 26 Julai 2024; sebelum 12.00 tengahari**.
5. Dokumen cadangan pembangunan yang telah lengkap mengikut terma dan syarat RFP ini hendaklah di bawa dan dimasukkan ke dalam kotak tender di pejabat PNSB di alamat: PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
6. Dokumen yang dihantar selepas Tarikh Tutup di atas tidak akan diterima. PNSB berhak menolak sebarang cadangan RFP tanpa mengemukakan sebarang sebab.
7. Sila imbas kod QR di bawah atau ke pautan berikut untuk melihat pelan lokasi tanah tersebut dan taklimat RFP melalui aplikasi Google Map: https://bit.ly/BBST_9_parcel





SEMANGAT... Pemain Harimau Malaya menjalani latihan pusat bagi menghadapi dua perlawanan terakhir kumpulan D Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 bulan depan di Wisma Persatuan Bolasepak Malaysia, Petaling Jaya pada 27 Mei. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

Penang Real CJ, Shah Alam United idam Piala Konfederasi

UiTM - MBSJ FC buru piala

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - UiTM United Lioness dan MBSJ FC mara ke perlawanan akhir Liga Super Wanita (WSL 2024) selepas menewaskan lawan masing-masing di separuh akhir pada 25 Mei.

MBSJ FC terlebih dahulu layak selepas menewaskan SSS Leopard FC 2-0 menerusi jaringan Waitie Taning pada minit ke-18 dan Fatin Shahida minit ke-46 di Arena MBSJ, Subang Jaya.

Kemenangan itu mengekalkan rekod cemerlang mereka yang turut menang mudah 4-0 ke atas Perkemmas FC di suku akhir sebelum ini.

Satu lagi aksi separuh akhir menyaksikan UiTM United Lioness menang penentuan penalti 5-3 mengatasi MBPJ FC selepas kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan.

Sementara itu, jaringan tunggal Anis Alwani pada minit ke-35 membawa pasukannya Penang Real CJ ke perlawanan akhir Piala Konfederasi menewaskan FC Swat 1-0.

Menanti mereka di pentas akhir Shah Alam United yang mengatasi FC Japan Malaysia menerusi penentuan sepakan penalti 4-2 selepas terikat 1-1.

Kedua-dua perlawanan akhir akan berlangsung pada 9 Mei di Arena MBSJ pada jam 5.30 petang dan 8.30 malam.

Yakin raih pingat

SHAH ALAM - Ketua kontinjen (CDM) negara ke Sukan Olimpik Paris 2024 yakin dengan kemampuan skuad badminton untuk membawa pulang pingat daripada temasya terbesar dunia itu yang berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos.

Datuk Hamidin Mohd Amin berka-ta wakil negara berada dalam posisi untuk mara jauh dan undian pada 12 Julai akan memainkan peranan yang

penting untuk semua pemain.

"Undian nanti mustahak, tidak kira bagi acara perseorangan atau beregu. Pemain kita seperti Aaron Chia-Soh Wooi Yik (beregu lelaki), Pearly Tan-M Thinaah (beregu wanita) dan Chen Tang Jie-Toh Ee Wei (beregu campuran) pernah mengejutkan pemain di ranking utama dunia untuk meletakkan harapan," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Pan Gon sedih kenang nasib Faisal

SHAH ALAM - Ketua jurulatih skuad kebangsaan tidak dapat menyembunyikan perasaan sedihnya terhadap nasib malang yang menimpa Faisal Halim yang disibah asid awal bulan ini.

Ketika diminta mengulas insiden berkenaan, Kim Pan Gon seakan sukar untuk menggambarkan perasaannya dan memahami dugaan besar yang diharungi pemain berusia 26 tahun itu.

"Kejadian itu adalah satu perkara yang sukar untuk dilupakan. Melihat dia (Faisal) dalam kesakitan seperti itu, tidak sanggup untuk saya melihatnya. Tidak terungkap dengan kata-kata apa yang ditanggung Faisal.

"Bola sepak sepatutnya menjadi sukan yang selamat. Ia harus diwarnai dengan kegembiraan dan persahabatan, bukan keganasan. Kita perlu melindungi pemain daripada bahaya," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Faisal yang menjalani proses pemulihan terlepas dua baki aksi kumpulan D kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 berdepan Kyrgyzstan dan Taiwan bulan depan.

Pan Gon berkata Harimau Malaya tetap akan memberikan aksi terbaik dalam usaha mendapatkan keputusan positif walaupun tanpa beberapa tonggak utama.

TAMANSARI
RAWANG
GAYA HIDUP BERSENI

PEGANGAN KEIKAL

LAKSIAN ARTIS
* TERTAKLUK PADA TERMA DAN SYARAT

- Unit Bumiputera Dibuka Untuk Jualan
- 7% Bumiputera Diskaun
- Berpagar dan Kejiranan Berpengawal

Jasmin
TAMANSARI

Harga Jualan Dari
RM887,600*
(Selepas 7% bumiputera)

DEVELOPER: PINGGIR MENTARI SDN. BHD. (939134-H)

WWW.TAMANSARI.BRDB.COM.MY

TAMANSARI BRDB SALES GALLERY

BRDB

Dahila | Pemaju: Pinggir Mentari Sdn Bhd (939134-H) • Alamat Pemaju: Level 11, Menara BRDB, 285 Jalan Maarof, Bukit Bandaraya, 59000 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-2688 2888 • Jenis Perumahan: Rumah Teres 2 Tingkat • No. Lesen Pemaju Perumahan: 13819-02-2027/0078/R • Tempoh Sakt: 06/02/2022 - 05/02/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 13819-09-2025/0191(N)-S • Tempoh Sakt: 26/09/2022 - 25/09/2025 • Pihak Berkuasa (PBT) Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Selangor • No. Pengesahan Pelan Bangunan: MPS/2-1371/1-999/PB/A0-F2B • Pemegangan Tanah: Pegangan Bebas • Sekatan Tanah: Tiada • Jumlah unit: 173 • Harga Jualan: RM987,850.00 (Minima), RM1,474,300.00 (Maksima) • Tarikh Dijangka Siap: Sep 2025 • 7% Diskaun Bumiputera. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.



MOHD KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

menyampaikan Insentif Haji Muassasah kepada bakal jemaah di DUN beliau



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

ziarah penduduk yang kehilangan ahli keluarga di Sepang



ANFAAL SAARI
Taman Templer

meraikan pemenang pertandingan futsal di Selayang Permai, Gombak



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menziarahi penduduk di Kampung Tebuk Berihun, Sabak Bernam



LIM YI WEI
Kampung Tunku

meninjau kawasan yang dilanda ribut di SS2, Petaling Jaya



DR GUNARAJ GEORGE
Sentosa

memberi bantuan persekolahan kepada penduduk di DUN beliau



SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

menyerah sumbangan tong sampah kepada penghuni pangsapuri di DUN beliau



PANG SOCK TAO
Kuala Kubu Bharu

bersama masyarakat Orang Asli di Kampung Tun Razak, Hulu Selangor

Sertai saringan kesihatan percuma

SHAH ALAM - Orang ramai khususnya penduduk sekitar Bandar Utama dipelawa menyertai program saringan kesihatan percuma di tingkat 1 pusat beli-belah Atria, Petaling Jaya pada 1 Jun.



Menurut EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin, inisiatif Selangor Saring itu menyediakan pemeriksaan jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi, barah, mata, telinga dan gigi.

"Jom ramai-ramai berkunjung ke lokasi program saringan kesihatan di kawasan Bandar Utama. Ambil peluang ini untuk melakukan saringan kesihatan percuma," katanya di Facebook pada 25 Mei.

Beliau juga mengalakkan orang ramai untuk membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi memudahkan proses penilaian risiko setiap individu.

"Hubungi Selcare di talian 1-800-22-6600 jika mengalami sebarang masalah berkaitan pendaftaran," katanya lagi.

Dalam pembentangan Belanjawan Negeri, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma tahun ini.

Program tersebut membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal dengan menyasar individu mempunyai sejarah perubahan keluarga, obesiti dan mengamalkan gaya hidup tidak sihat.

Tingkat kemudahan sukan

RM20,000 baiki gelanggang futsal

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Rawang Chua Wei Kiat menyediakan peruntukan RM20,000 untuk membaiki gelanggang futsal di Garing Utama, Gombak pada bulan depan.

Beliau memutuskan untuk menyalurkan dana daripada Projek Selangor Penyayang (PSP) selepas mengadakan lawatan ke kemudahan sukan itu bersama wakil penduduk baru-baru ini.

Katanya, struktur gelanggang tersebut dapat masih baik tetapi ia perlu

dinaik taraf dengan memasang jaring dan menaikkan sedikit pagar bagi mengelak bola terkena rumah penduduk.

Selain membaiki gelanggang futsal, Wei Kiat juga menggunakan peruntukan PSP untuk memasang kipas dan baiki gelanggang bola keranjang di sekitar kawasan berkenaan.

"Kita sentiasa mengutamakan kemudahan penduduk supaya mereka selesai melakukan aktiviti riadah," katanya pada 23 Mei.

Tahun lalu, Dato' Menteri Besar ke-



tika membentangkan Belanjawan 2024 memaklumkan dana RM24 juta disediakan bagi meningkatkan mutu kemudahan awam termasuk membina prasarana baharu.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, dana RM10 juta pula diperuntukkan untuk mengecat dan membaiki pangsapuri kos rendah serta sederhana melebihi 15 tahun.

Sebanyak RM14 juta diperuntukkan dengan RM250,000 bagi setiap 56 Dewan Undangan Negeri.

Nilai pokok berisiko demi keselamatan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam proses membuat penilaian pokok berisiko di sepanjang Jalan Protokol di Pusat Bandar 52 dan Jalan Selangor.

Ahli parlimen Petaling Jaya berkata langkah berkenaan selepas beliau mencadangkan supaya melantik 'Doktor Pokok' atau arboris untuk memeriksa semua pokok lama di kawasan itu.

"Pemeriksaan secara awal adalah kri-



tical supaya nyawa dan harta rakyat terjaga sebelum terlewat," kata Lee Chean Chung menerusi Facebook pada 25 Mei.

Sebelum itu, beliau meninjau bumbung Pangsapuri Taman Perangas yang diterbang ribut bersama Penyelaras Dewan Undangan Negeri Taman Medan Halimey Abu Bakar dan Ahli Majlis Nora Mansor.

Pada 13 Mei, Chean Chung mengesahkan MBPJ melantik arboris bertauliah

untuk memeriksa secara menyeluruh pokok tua dan berisiko tinggi untuk tumbang.

Katanya, arboris yang dilantik perlu melakukan pemeriksaan khususnya di kawasan berpenduduk padat dan di sepanjang jalan utama dalam kadar segera.

Pada 7 Mei, sebatang pokok tumbang di atas kenderaan di hadapan Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur akibat ribut menyebabkan seorang lelaki maut manakala seorang lagi cedera.

300 pelajar terima bantuan sekolah

SHAH ALAM - Seramai 300 pelajar sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Selat Klang menerima sumbangan Kembali ke Sekolah yang dijayakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan setiap pelajar menerima sumbangan RM100.

"Bawah pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, bidang pendidikan terus diperkasa melalui pel-

bagai program termasuk Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS).

"Kerajaan Negeri dan MBI berbelanja besar dalam memastikan agenda pendidikan di negeri tercinta ini terus diberi keutamaan," katanya di Facebook.

Baru-baru ini, MBI memaklumkan RM1.7 juta diperuntukkan kepada 16,800 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk sesi perse-



kolahan tahun ini.

Tahun lalu, anak syarikat negeri itu memperuntukkan lebih RM10 juta bagi memperkasa sektor pendidikan merangkumi Program Tuisyen Rakyat Selangor, bantuan sekolah dan sumbangan prasarana.

Sebelum ini, Amirudin memaklumkan pemerbadanan itu menyalurkan bantuan RM25.5 juta kepada agensi pendidikan antara 2021 hingga tahun lalu.

Peluang anjur jualan murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan penganjuran Jualan Ehsan Rahmah (JER) secara dalam talian.

Agensi itu memaklumkan di Facebook, pihak yang berminat menganjur jualan murah barangan asas boleh memohon menerusi pautan forms.gle/3xE6acRZRv17X2zT6 atau imbas kod QR di poster.

Pada 15 Januari, Pengurus Besar Sektor Perniagaan dan Pemasaran PKPS Rosnani Abd Malik berkata permohonan boleh dibuat melalui pelbagai pihak antaranya wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

Kerap senggara saluran, elak bah

HULU LANGAT - Kerja penyelenggaraan longkang dan saluran sekitar Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dilakukan lebih kerap bagi mengelak banjir kilat berulang.

Dalam mesyuarat bulanan di sini pada 24 Mei, Yang Dipertuanya Nazli Md Taib memberitahu Skuad Pantas MPKj dikerah untuk memantau dan sedia turun padang jika berlaku sebarang bencana.

"Taburan hujan sukar dijangka ketika ini, longkang dan sungai tidak mampu menampung air. MPKj akan pastikan semua saluran parit dan longkang sentiasa dibersihkan dan diselenggara dengan baik.

"MPKj juga meningkatkan kerjasama dengan agensi berkaitan antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Jabatan Kerja Raya dan KDEB Waste Management," katanya lagi.

Sita 46 lori buang sampah haram

HULU LANGAT - Sebanyak 46 lori sampah disita kerana membuang sisa di tapak pelupusan haram, kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Nazli Md Taib.

Beliau menjelaskan rampasan semua lori tersebut dijalankan penguat kuasa antara Januari hingga Mei pada tahun ini membabitkan anggaran keseluruhan RM253,000.

"Tindakan tersebut dibuat dalam operasi tapak pelupusan sampah haram yang dilaksanakan sejak Januari hingga Mei tahun ini," katanya lagi pada 24 Mei.

Nazli menambah kompaun juga dikeluarkan mengikut Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MPKj 2007 selain akan mengadakan pemantauan berkala bagi membanteras kegiatan itu.



PM rasmi seminar Imam an-Nawawi

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan Seminar Penghayatan Riyadhhu as-Salihin di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 1 Jun.

Beliau juga terlibat dalam Perbualan khas: Imam Nawawi dan Riyadhhu as-Salihin bersama bekas Imam Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah dan Pengarah Pusat Kajian Islam Quantum Akhyar Institute Dr Adi Hidayat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut sama dalam program yang dimudah cara Naib Canselor Universiti Islam Selangor Prof Madya Dato' Dr Mohd Farid Ravi Abdullah.

Seminar berkenaan berlangsung dalam lima sesi selama dua hari sempena penganjuran Festival Turath Islami Selangor edisi kedua antara 26 Mei hingga 2 Jun.

Husaini, Hidayah johan tilawah

SHAH ALAM - Qari dari Negeri Sembilan Mohamad Husaini Mahmud dinobatkan johan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi manakala Nor Hidayah Abd Rahman dari Terengganu diumumkan sebagai johan menunggu bagi kategori qariah.

Muhammad Husaini dan Nor Hidayah masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000 dan wang tunai RM10,000 bagi menunaikan ibadah haji, piala, cenderamata serta sijil, lapor Bernama.

Bagi acara hafazan 30 juzuk beserta tafsir kategori hafiz dimenangi Muhammad Rifae'i Mat Zuki dan Putri Aminah Mohd Hanif bagi kategori hafizah manakala bagi hafazan 20 juzuk Muhammad Asyraf Amir (Johor) dan Fatihatul Badriyah Mohd Abd Latif Hilmi (Selangor) dinobatkan pemenang.

STDC tawar tujuh kursus TVET

SHAH ALAM - Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) menawarkan tujuh program pengajian pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) bagi sesi pengambilan Jun.

Pengambilan tersebut terbuka kepada individu berusia 18 tahun ke atas manakala yuran pengajian serta penginapan ditanggung Kerajaan Negeri. Semua kursus ditawarkan bawah Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor.

"Rakyat berkelayakan ditaja sepenuhnya yuran pengajian dan penginapan mereka. Pelajar berpeluang ditemu duga industri bagi penempatan kerjaya," menurut kenyataan baru-baru ini.

Untuk pendaftaran atau maklumat lanjut, hubungi talian 03-3281 2621, WhatsApp 014-649 2621 atau layari www.stdc.edu.my



SEDIA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (kanan) diiringi EXCO Pertanian Ir Izham Hashim melihat ternakan korban ketika Majlis Perasmian Sumbangan Korban Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan, Shah Alam pada 25 Mei. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 2

Meriahkan festival turath 1

Alunan nasyid dari Syria, Indonesia

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Kumpulan nasyid terkenal dari Syria Abu Shaar Bro dan Majelis Azzahir dari Indonesia pertama kali ditampilkan bagi memeriahkan lagi Festival Turath Islami Selangor.

Pengarah Sekretariatnya Farhan Afandi memberitahu Abu Shaar Bro yang kerap mengadakan persembahan serata dunia bakal membawakan lagu nasyid kontemporari terkenal di Tanah Arab.

"Kali ini mereka dibawakan khusus untuk santapan rohaniah pengun-

jung festival pada 1 Jun bermula jam 8 malam di Dataran Karnival Stadium Shah Alam.

"Pada 2 Jun di lokasi dan jam sama pula, kita enakkan halwa telinga dengan program Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar," katanya pada 22 Mei.

Farhan menambah Kumpulan Majelis Azzahir dari Pekalongan, Indonesia yang dipimpin Habib Ali Zainal Abidin Assegaf pula amat terkenal dan kerap kali menarik puluhan ribu penonton.

Beliau berharap orang ramai tidak melepaskan peluang menonton perse-

mbahan secara langsung kedua-dua acara menarik berkenaan.

"Kita mengharapkan dendangan pelbagai qasidah mengagungkan Allah SWT, selawat puji-pujian kepada baginda Rasulullah SAW akan menambah keberkatan festival kali ini," katanya.

Festival turath sehingga 2 Jun menampilkan lebih 20 ulama terkenal, tokoh agamawan, akademik dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura.

Maklumat lanjut di laman sesawang www.turathislamiselangor.com atau Facebook Festival Turath Islami Selangor. ► **RENCANA MUKA 14**

Teater Bujang Lapok imbau P Ramlee

SHAH ALAM - Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT) mempelawa orang ramai menonton pementasan teater berjudul Bujang Lapok Kembali Daa mulai 31 Mei hingga 2 Jun.

Bertujuan mengenang karya seni agung Tan Sri P Ramlee, teater itu bakal dipersembah di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam

Shah di sini.

Persembahan berkenaan menampilkan barisan pelakon antaranya Suky San, Shahril Kamil dan Yazid Asril sebagai watak utama selain penampilan istimewa Najua P Ramlee.

Karya arahan Siti Sarah Ahmad Jamil dan diolah Suky San turut mendapat sokongan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyediakan dana khas

bagi membudayakan bahasa serta sastera.

Tiket dijual pada harga RM25 untuk dewasa manakala kanak-kanak tujuh hingga 12 tahun (dan warga emas (RM15) melalui pautan my.shp.ee/iYsQ5Vg

Maklumat lanjut hubungi 013-700 4568, 011-7256 1028 atau 013-3175 433.